

No. Rujukan : USM53/26

Tarikh : 16 Februari 2022

Dekan/Pengarah/
Penyelaras/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan
Kampus Induk

Bangunan Canselor
(Chancellery Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BILANGAN 9 TAHUN 2022: PENGOPERASIAN PEJABAT DI KAMPUS INDUK BAGI MEMBENDUNG PENULARAN VIRUS COVID-19

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Hebahen Pendaftar Bilangan 8 Tahun 2022 bertarikh 8 Februari 2022 adalah berkaitan.

2. Susulan kepada **peningkatan kes COVID-19** dikalangan warga universiti khususnya di Kampus Induk, pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dalam mesyuarat ke-194 Bilangan 2/2022 pada 16 Februari 2022 bersetuju untuk memutuskan **staf bertugas dalam kampus secara fizikal tidak melebihi 20% hingga 50% dari jumlah staf PTJ pada sesuatu masa/hari bekerja**. Arahan hadir bertugas perlu dilaksanakan secara hibrid atau secara giliran bagi tempoh keberadaan di pejabat yang minimum.
3. Sebagai langkah yang lebih tegas dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga universiti, **staf dalam kategori seperti berikut dikehendaki bekerja dari rumah** dalam tempoh kawalan ini ;

Bil. Kategori Staf

i.	Staf yang berumur 50 tahun dan ke atas;
ii.	Staf yang mempunyai rekod penyakit kronik yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar (seperti terdapat dalam Deklarasi Kesihatan Campusonline);
iii.	Staf yang sedang hamil.

4. Arahan ini berkuat kuasa mulai **18 Februari 2022 sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak**.

5. Sehubungan itu, Ketua Jabatan adalah dipohn untuk mematuhi keputusan JKPU dan penguatkuasaan arahan ini dilaksanakan di PTJ masing-masing. Rekod kehadiran staf akan dipantau melalui Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF).

6. Walau bagaimanapun, arahan kawalan kehadiran ini dikecualikan kepada staf yang terlibat dengan tugasan pengurusan peperiksaan universiti, staf barisan hadapan, terlibat dengan penyampaian perkhidmatan perlu (*essential*), tugasan kritikal penyelidikan dan tugasan pengajaran serta keperluan penjagaan peralatan di makmal.

HEBAHAN PENDAFTAR BILANGAN 9 TAHUN 2022: PENGOPERASIAN PEJABAT DI KAMPUS INDUK BAGI MEMBENDUNG PENULARAN VIRUS COVID-19

7. Di samping itu, Ketua Jabatan perlu mengambil perhatian yang tegas dan serius dalam memastikan staf sentiasa mematuhi Prosedur Amalan Standard (SOP) terutama kepada staf yang telah dikenal pasti sebagai Kontak Rapat Covid-19, termasuk mematuhi arahan kuarantin diri dalam tempoh yang ditetapkan bagi tujuan membendung dan mengawal sepenuhnya penularan wabak ini.

8. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian *hotline* Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- Kampus Induk : 04-6532267 / 04-6536124 (*Nerve Centre*)
- Kampus Kesihatan : 09-7671310
- Kampus Kejuruteraan : 04-5995530/5531/5532/5533
- Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) : 04-5622999
- E-mel : nerve_centre_usm@usm.my

9. Kerjasama Ketua Jabatan dalam memastikan perkara ini diambil perhatian serius dan dikemaskini dalam urus tadbir di PTJ masing-masing amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. MUSA BIN HJ. ALI)
Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pengarah-pengarah Kampus

Pengarah
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Pengarah
Pusat Pengurusan Bencana (*Nerve Centre*)

} *Pengarah Kampus / Pengarah IPPT dipohon melaksanakan penyelarasan di peringkat kampus/PTJ masing-masing*